

14 MAY 1998
Mahathir-Miskin
KAMI RELA MENJADI MISKIN, KATA MAHATHIR/I

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 14 Mei (Bernama) -- Sejak minggu lalu di Kaherah dan di sini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beberapa kali bahawa Malaysia telah menjadi miskin kerana serangan ke atas matawangnya.

Ketika bercakap kepada ahli perniagaan dan pelajar Malaysia semasa lawatan ke Kaherah minggu lalu, beliau menekankan perkara ini untuk memberitahu tentang kesan serangan matawang ke atas ekonomi negara.

Kepada pelajar yang cuba meminta bantuan kerajaan bagi mengatasi masalah kewangan yang dihadapi berikutan kekusutan nilai ringgit, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak lagi mampu berbuat demikian.

Pada majlis jamuan malam yang diadakan oleh ahli perniagaan Sudan di sini malam ini pada hari kedua lawatan beliau ke Sudan, Dr Mahathir berkata Malaysia rela menjadi miskin selagi kita kekal sebagai negara yang merdeka".

Beliau berkata rakyat Malaysia bersedia menyikat perut walaupun ini menyukarkan mereka di tengah-tengah senario di dunia yang semakin sempit dan globalisasi serta liberalisasi yang diperjuangkan secara agresif.

Menurut beliau, satu daripada cara untuk kekal miskin ialah berkeupayaan membangunkan semula ekonomi Malaysia melalui usaha meningkatkan perdagangan.

Dr Mahathir sebelumnya berkata bahawa Malaysia, yang sejak dekad lalu sebelum krisis kewangan tahun lalu mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi dijangka memperolehi pendapatan yang kurang hasil kutipan cukai.

"Kami sedang bekerja keras untuk mengatasi masalah. Nasib baik, rakyat memahami keadaan. Mereka tidak menyalahkan kerajaan dan mereka tidak mengambil tindakan yang boleh menjejaskan kestabilan politik negara," kata beliau.

Perdana menteri sekali lagi melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan mengelak daripada memohon bantuan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) yang disifatkannya sebagai menggadaikan kemerdekaan.

Dr Mahathir berkata membina semula ekonomi ialah satu daripada cara untuk kekal sebagai sebuah negara yang merdeka.

Ketika berucap dalam nada yang positif, beliau berkata tidak semua yang hilang.

Beliau menarik perhatian kepada kemunculan perbadanan besar Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam kejuruteraan dan pembinaan infrastruktur termasuk pelabuhan dan lapangan terbang sebagai petanda cerah ke arah pemulihan ekonomi.

Firma-firma ini juga boleh membina jalan raya, jambatan, perumahan awam, infrastruktur telekomunikasi dan penjanaan bekalan tenaga serta pengagihan.

Malaysia juga menawarkan dan memperkenalkan perkhidmatan dalam bidang pendidikan dan jagaan kesihatan.

"Kami menalu-alukan lebih banyak pelajar dari Sudan untuk meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi di Malaysia kerana kami sedang melaksanakan strategi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan bagi pendidikan di rantau sebeah sana," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AU FAZ